

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
PEJABAT MENTERI PENDIDIKAN**

**KPM SAMBUT BAIK AMANAT YAB PERDANA MENTERI,
TEKAD TINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyambut baik amanat YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim sewaktu Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-19 (MAPPA XIX).

Pengumuman YAB Perdana Menteri untuk meningkatkan kelayakan masuk minimum ke dalam perkhidmatan awam kepada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara dapat menjadi pendorong murid untuk menamatkan persekolahan sekurang-kurangnya sehingga peringkat SPM. Ia selaras dengan usaha berterusan KPM untuk memastikan murid melengkapkan persekolahan peringkat menengah dan menangani keciciran murid.

Inisiatif untuk memperluaskan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada calon dengan kelayakan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) pula membuktikan komitmen Kerajaan untuk menggalakkan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Ia membuka laluan lebih luas kepada graduan Kolej Vokasional KPM untuk meneroka peluang pekerjaan dalam sektor awam.

Usaha untuk memperkenalkan kerangka Iltizam Kecekapan Pentadbiran sebagai satu mekanisme pengukuran tahap penyampaian perkhidmatan Kerajaan, dapat membantu meningkatkan produktiviti seluruh warga KPM. Agenda Reformasi Pendidikan yang sedang dilaksanakan KPM memerlukan komitmen jitu daripada seluruh warga pendidikan.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan yang telah bersetuju melaksanakan pelarasan gaji kepada pegawai Kumpulan Pelaksana, pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi perkhidmatan awam. Pengumuman ini memberi manfaat kepada hampir 500,000 orang guru dan kakitangan KPM.

KPM bertekad untuk meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan di setiap peringkat dan mereformasikan pendidikan negara seperti yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri.

-TAMAT-

**YB FADHLINA SIDEK
MENTERI PENDIDIKAN
16 OGOS 2024**